

Headline **Malam Santai 1Malaysia harap diperluas**
Date **02 Feb 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S21**
Article Size **325 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,788**
PRValue **5,363**



Malam Santai 1Malaysia harap diperluas

SIMPANG LIMA—Membawa konsep berbeza, sesuai dengan cita rasa generasi muda masa kini, namun memerlukan lebih banyak penglibatan pelbagai kaum untuk mewujudkan gambaran Malam Santai 1Malaysia yang sebenar.

Bagi Setiausaha Pemuda MCA Bahagian Sungai Besar, Lau Ka Yeau, program yang dianjurkan Pemuda UMNO Bahagian Sungai Besar itu menonjolkan konsep hiburan yang positif kepada generasi muda di kawasan berkenaan.

Bagaimanapun, menurutnya, penyertaan daripada belia India dan Cina perlu diperluas agar matlamat menyatupadukan tiga bangsa dapat direalisasikan.

Timbalan Ketua MIC Bahagian Sungai Besar, A Selvan pula berkata, sekiranya program itu diperluas,

sambutan yang diterima terutama daripada kumpulan belia India dan Cina pasti dapat memeriahkan lagi program.

"Penganjuran pada masa akan datang kita harap dapat menonjolkan lebih banyak ciri perpaduan melibatkan kaum Melayu, Cina dan India," katanya.

Salah seorang penganjur, Misnah Mat, 63, berkata, dia turut teruja untuk bersama menyaksikan persembahan yang disediakan pada Malam Santai 1Malaysia.

"Jarang dapat peluang lihat anak-anak muda berkumpul, sebahagiannya ada yang tunjuk bakat menari, menyanyi dan sebagainya, kita orang lama rasa seronok melihatnya," katanya.

Dengan mengetengahkan konsep lagu patriotik dan hiburan termasuk tarian kebudayaan dari tiga kaum,

shuffle dan persembahan kugiran dari kumpulan D'lorry, program yang disempurnakan Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Sungai Panjang, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Tboyo di Laman Budaya Jalan Dato Seri di sini, membuka ruang anak-anak muda berhibur dalam keadaan terkawal.

Aktiviti sampingan seperti kempen daftar pemilih, pameran dari jabatan seperti Jabatan Belia dan Sukan, Jabatan Penerangan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), kaunter Tabung Haji, gerai jualan, dan cabutan bertuah telah memeriahkan lagi sambutan program.

Dr Mohamad Khir dalam ucapannya berkata, inisiatif yang dilakukan Pergerakan Pemuda itu telah memberi ruang dan peluang kepada anak-anak muda menonjol-

kan bakat dalam kebudayaan.

Malah, kata beliau, kesempatan itu menjadikan kumpulan belia mempunyai aktiviti mereka terutama dalam menghabiskan masa pada waktu malam.

Sementara itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi berkata, penganjuran program itu bertepatan dengan saranan sebelum ini, untuk memperkenalkan aktiviti malam yang terkawal kepada pemuda.

"Menghimpunkan pemuda menerusi aktiviti kebudayaan, ia dapat membantu menjelaskan mesej 1Malaysia kepada generasi muda. Kita akan cuba mengatur program ini untuk diadakan setiap bulan secara 'road show' di setiap kawasan Sungai Besar," katanya.



● Budiman tidak melepaskan peluang untuk menyanyi bagi menghiburkan pengunjung yang hadir pada Malam Santai 1Malaysia.